



PERATURAN MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUT KRAF NEGARA KE-20

SILA TELITI DAN FAHAMI KANDUNGAN BERIKUTNYA UNTUK MEMBANTU GRADUAN
MENJAYAKAN MAJLIS KONVOKESYEN DENGAN SEMPURNA.

MAJLIS KONVOKESYEN

Terlebih dahulu pihak IKN ingin merakamkan ucapan *TAHNIAH* atas kejayaan saudara /
saudari.





Majlis Konvokesyen adalah satu majlis yang sangat bermakna kepada graduan. Oleh yang
demikian, IKN amat berharap agar graduan dapat bekerjasama sepenuhnya demi kelancaran
perjalanan majlis.

Berikut adalah maklumat penting mengenai majlis berkenaan yang mesti diambil perhatian oleh
para graduan.




Tarikh	Aktiviti	Tempat	Masa	Pakaian
02 Nov 2022 (Rabu)	Pendaftaran Graduan & Bayaran Konvokesyen	Auditorium Blok B Pusat Pelajar	9.00 pagi – 12.00 tengahari	Pakaian Kemas / Formal
	Pengambilan Jubah Konvokesyen	Tkt 1 Blok B Pusat Pelajar HEP		

Tarikh	Aktiviti	Tempat	Masa	Pakaian
02 Nov 2022 (Rabu)	Raptai	Dewan Cindai	2.30 petang sehingga selesai	Jubah Konvokesyen (Pastikan graduan memakai kasut yang digunakan semasa majlis)
03 Nov 2022 (Khamis)	Majlis Konvokesyen Ke - 20	Dewan Cindai	8.00 pagi – 12.00 tengahari	Jubah Konvokesyen
	Pemulangan Jubah & Pengambilan Transkrip & Sijil	Tkt 1 Blok B Pusat Pelajar HEP	2.00 petang – 4.30 petang	Pakaian Kemas / Formal

DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA

-  Borang pengesahan kehadiran graduan
-  Kad pengenalan/MyKad
-  Borang Pengambilan Jubah Konvokesyen yang telah lengkap diisi (2 salinan)
-  Borang Pendaftaran Alumni yang telah lengkap diisi.

PENDAFTARAN KONVOKESYEN

-  Graduan dikehendaki melapor dan mendaftarkan diri pada **2 November 2022 (Rabu)** mulai **9.00 pagi hingga 12.00 tengahari** di Bilik Urus Setia , Auditorium IKN, Blok B Bangunan Pusat Pelajar, Institut Kraf Negara.
-  Sewaktu pendaftaran, graduan adalah dikehendaki menunjukkan borang pengesahan kehadiran graduan kepada pegawai yang bertugas. Tanpa borang pengesahan tersebut, graduan tidak dibenarkan mendaftar untuk menyertai Majlis Konvokesyen.
-  IKN berhak menahan atau melarang graduan yang tidak mendaftar daripada menyertai Majlis Konvokesyen.

- ✚ Yuran Konvokesyen sebanyak **RM120.00** hendaklah dibayar semasa pendaftaran. Resit bayaran yuran konvokesyen hendaklah ditunjukkan semasa mengambil jubah konvokesyen.

BAYARAN YURAN

- ✚ Perincian bayaran yang dikenakan :

Jubah Konvokesyen	-	RM 50.00
Gambar	-	RM 50.00
Beg Jubah	-	RM 20.00

Jumlah **RM120.00**

- ✚ **Bayaran boleh dibuat semasa hari pendaftaran pada 2 November 2022 atau secara online ke akaun Maybank Berhad (Mybank) atas nama INSTITUT KRAF NEGARA No Akaun : 512017219744** sebelum 30 Oktober 2022. Sila nyatakan **Bayaran Yuran Konvokesyen di "recipient reference"** semasa membuat bayaran secara online **Resit bayaran yuran** konvokesyen hendaklah ditunjukkan semasa pendaftaran bagi yang membayar secara *online*.
- ✚ Resit bayaran juga perlu ditunjukkan semasa mengambil dan memulangkan jubah konvokesyen.
- ✚ Graduan yang telah menjelaskan bayaran tetapi tidak menghadiri Majlis Konvokesyen, bayaran tersebut tidak akan dikembalikan.

ALUMNI

- ✚ Graduan **diwajibkan** mengisi Borang Pendaftaran Alumni dan menyerahkan borang tersebut semasa pendaftaran Konvokesyen.
- ✚ Pastikan ruang Maklumat Terkini diisi dengan **LENGKAP**.

RAPTAI KONVOKESYEN

- Graduan dikehendaki berkumpul di **Dewan Cindai, IKN** untuk sesi raptai pada **02 November 2022 (Rabu) jam 2.30** petang dan menyertai raptai sehingga selesai.

JUBAH KONVOKESYEN

- Jubah (*Robe*)
Jubah graduan berwarna *maroon* dan dibezakan mengikut peringkat pengajian iaitu lapel songket benang emas bagi peringkat Diploma dan lapel songket benang perak bagi peringkat Sijil
- Topi (*Mortar Board*)
Topi Sijil dan Diploma berbentuk empat segi.
- Hood* graduan dibezakan mengikut Jurusan Seni Kraf.

Jurusan Seni Kraf	Warna
Batik	Biru
Tenunan	Purple
Kayu	Gold
Logam	Kelabu
Seramik	Orange
Rotan & Buluh	Beige

PERHATIAN :

- Ketiadaan salah satu komponen jubah konvokesyen menyebabkan graduan **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam dewan. Pastikan graduan mendapat jubah konvokesyen mengikut jurusan yang lengkap semasa mengambilnya.
- Graduan **TIDAK DIBENARKAN** mengubah suai jubah konvokesyen yang disewa.

- ✚ Resit pembayaran hendaklah dibawa bersama-sama semasa hendak mengambil dan memulangkan jubah konvokesyen.

PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN

Graduan dinasihatkan supaya mematuhi jadual pengambilan dan pemulangan jubah konvokesyen. Berikut adalah butiran penting mengenai pengambilan dan pemulangan jubah konvokesyen.

Tarikh	Masa	Tempat
Pengambilan Jubah 2 November 2022	9.00 pagi – 12.00 tengahari	Tingkat 1 Blok B , Pusat Pelajar , IKN
Pemulangan Jubah 3 November 2022	2.00 petang – 4.30 petang	

PERHATIAN :

- ✚ Graduan hanya dibenarkan mengambil jubah konvokesyen mengikut hari dan masa yang ditetapkan sahaja.
- ✚ Graduan hanya dibenarkan mengambil sendiri jubah konvokesyen untuk menentukan saiz yang sesuai.

MAKLUMAT PENTING SEMASA PENGAMBILAN JUBAH KONVOKESYEN

- ✚ Sila jelaskan bayaran yuran konvokesyen dan serahkan salinan resit di kaunter untuk tujuan pengesahan.
- ✚ Pastikan petugas kaunter menyerahkan perkara-perkara berikut kepada graduan :
 - Jubah
 - Topi (Mortar Board)
 - Hood
- ✚ Tandatangan pada borang yang telah disediakan.

MAKLUMAT PENTING SEMASA PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN

- ✚ Jubah konvokesyen yang dipulangkan hendaklah dalam keadaan baik. Graduan perlu mematuhi langkah-langkah berikut semasa memulangkan jubah konvokesyen :
 - Serahan lengkap set jubah konvokesyen. (Jubah, topi & hood)
 - Tandatangan pada borang pemulangan yang disediakan di kaunter.

SYARAT SEWA JUBAH KONVOKESYEN

Syarat dan maklumat penting mengenai penyewaan jubah konvokesyen adalah seperti berikut :

- ✚ Graduan adalah bertanggungjawab kepada jubah konvokesyen yang disewa. Sebarang kehilangan dan kerosakan jubah konvokesyen adalah tanggungjawab graduan.
- ✚ Sekiranya jubah konvokesyen yang dipinjam rosak atau hilang, denda yang dikenakan adalah seperti berikut :

Bil	Jenis	Denda
1.	Jubah	RM215.00
2.	Topi	RM 60.00
3.	Hood	RM 20.00

PANDUAN BERPAKAIAN SEMASA KONVOKESYEN - GRADUAN

Graduan Lelaki

- ✚ **Jubah akademik, mortar board dan hood (disediakan oleh IKN)**
- ✚ Pelitup muka (*face mask*) -**TIDAK WAJIB**. Sekiranya graduan ingin memakai pelitup muka, **pelitup muka berwarna putih** sahaja dibenarkan.
- ✚ Seluar '*slacks*' berwarna hitam, kemeja lengan panjang berwarna cerah dan bertali leher.
- ✚ Kasut kulit hitam dan stokin gelap.
- ✚ Rambut hendaklah pendek dan tidak mencecah kolar baju. Rambut yang diwarnakan adalah dilarang semasa Majlis Konvokesyen.

Graduan Wanita

- ✚ **Jubah akademik, mortar board dan hood (disediakan oleh IKN)**
- ✚ Pelitup muka (*face mask*) - **TIDAK WAJIB**. Sekiranya graduan ingin memakai pelitup muka, **pelitup muka berwarna putih** sahaja dibenarkan.
- ✚ Baju kurung / kebarung / atau pakaian labuh melepasi buku lali. Sekiranya memakai baju batik, **Batik Malaysia** sahaja dibenarkan
- ✚ Warna pakaian bebas. Kain jenis '*lace*' boleh dipakai dengan syarat ada '*lining*'.
- ✚ Tudung kosong berwarna hitam dan tidak bercorak.
- ✚ **Kasut** bertumit tinggi tidak melebihi 1 ½ inci, bertutup dan berwarna gelap.
- ✚ Graduan wanita yang tidak bertudung, rambut hendaklah diikat kemas atau disisir rapi. Rambut yang diwarnakan adalah dilarang semasa Majlis Konvokesyen.
- ✚ Sopan dan menutup aurat.

Jubah Graduan Diploma



Pandangan Hadapan



Pandangan Belakang

Jubah Graduan Sijil



Pandangan Hadapan



Pandangan Belakang

TUNTUTAN SKROL DAN TRANSKRIP AKADEMIK

- ✚ Skrol dan Transkrip Akademik boleh diambil selepas selesai semua urusan pemulangan jubah.
- ✚ Sila kemukakan Resit Rasmi IKN (bayaran yuran graduasi) dan kad tuntutan skrol dan transkrip apabila berurusan mendapatkan skrol dan transkrip.

KAD MASUK

- ✚ Seorang graduan akan diberi satu kad jemputan untuk dua (2) orang tetamu sahaja.

TETAMU

- ✚ Tetamu adalah diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing pada **03 November 2022** mulai **8.30 pagi** di **Dewan Cindai** mengikut laluan dan pintu yang ditetapkan.
- ✚ Kanak-kanak **di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk** ke dalam dewan.

PANDUAN BERPAKAIAN SEMASA KONVOKESYEN - TETAMU

- ✚ Bagi lelaki – 'Lounge suit' / Kebangsaan / Batik Malaysia
- ✚ Bagi wanita – Kebangsaan / Batik Malaysia / Bersesuaian
- ✚ Graduan wanita yang tidak bertudung, rambut hendaklah diikat kemas atau disisir rapi. Rambut yang diwarnakan adalah dilarang semasa Majlis Konvokesyen.
- ✚ Sopan dan menutup aurat.

PERATURAN AM

- ✚ Graduan adalah **TIDAK DIBENARKAN** membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg, video, kamera, telefon bimbit, alat kelui (*pager*) atau sebagainya ke dalam dewan.
- ✚ Semasa majlis sedang berlangsung graduan dan ibu bapa / tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising.
- ✚ Pastikan **telefon bimbit** berada didalam **mod senyap (*silent mode*)** semasa berada di dalam dewan.
- ✚ Para graduan **tidak dibenarkan mengambil gambar** atau mendapatkan bantuan orang lain untuk berbuat demikian semasa majlis berlangsung di dalam dewan.
- ✚ Graduan dan ibu bapa / tetamu dilarang meninggalkan dewan semasa Majlis Konvokesyen sedang berjalan.
- ✚ Graduan dan ibu bapa / tetamu dilarang memakai 'jeans', selipar, sandal dan kemeja T semasa Majlis Konvokesyen.
- ✚ Graduan lelaki adalah dilarang sama sekali memakai aksesori seperti anting-anting, rantai leher, gelang tangan dan aksesori lain yang melambangkan keperibadian yang tidak baik di mata umum.
- ✚ Graduan wanita pula adalah dilarang memakai aksesori yang berlebihan semasa majlis berlangsung.
- ✚ Graduan dan ibu bapa / tetamu yang tidak mematuhi peraturan yang dinyatakan di atas adalah dilarang daripada menyertai Majlis Konvokesyen ini.

PENGINAPAN

- ✚ Penginapan bagi graduan **TIDAK DISEDIAKAN**. Graduan hendaklah menguruskan penginapan sendiri di luar.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Majlis Konvokesyen, graduan bolehlah menghubungi :

Unit Hal Ehwal Pelajar
Institut Kraf Negara
No. 1, Km 20 Jalan Ipoh – Rawang
Taman Rekreasi Templer
48000 Rawang, Selangor

(Urusetia Majlis Konvokesyen)

Tel : 03 - 6091 5322 sambungan 160, 161, 165, 167, 168

No fax : 03 - 6092 6072

Senarai Hotel & Rumah Tumpangan

BIL.	NAMA HOTEL/RUMAH TUMPANGAN	ALAMAT PREMIS	NO.TELEFON
1.	Gombak Star Hotel	No.IL7-2 & IL8-2, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves.	03-61899869
2.	The Star Dream Hotel	564-B, 565B, Jalan Samudra Utara, Taman Samudra, 68100 Batu Caves.	-
3.	Hotel Sahara Inn	95-1, Jalan SBC 1, Taman Sri Batu Caves, 68100 Batu Caves.	016-5232121
4.	Batu Caves Budget Hotel Sdn. Bhd.	No. 562-A, 562-B & 562-C, Jln Samudra Utara 1, Taman Samudra, 68100 Batu Caves.	019-6224095
5.	Vision Park Sendirian Berhad	No.33,33A,33B,31A,31B, Jln SG 1/6 Tmn Sri Gombak, 68100 Batu Caves.	03-61851752
6.	Rumah Tumpangan Rawang	No 111B Jalan Maxwell, Bandar baru Rawang, 48000 Rawang.	016-3742505
7.	Future World Avenues Sdn. Bhd	KM 23, Jln Kuala Lumpur-Rawang, 48000 rawang.	03-60930100
8.	Hotel Fiveoeight	No 30, 32, 34 Jalan Pusat BCH 1/3, Bandar Country Homes, 48000 Rawang.	-
9.	Chateau Resources	No 44 Jln Desa 6/7, Bandar Country Homes, 48000 Rawang.	016-9951186
10.	New Rawang Hotel	No. 105A & 105B, Jalan Maxwell, 48000 Rawang.	019-6224095
11.	Hotel Tong Lee	No 250 Jalan Ipoh, Kg. Sg Terentang, 48000 Rawang.	016-3305002
12.	Vision Park Sdn Bhd	NO.11, 11A, 11B,13,13A & 13B, Pusat Bandar Rawang, 48000, Rawang.	03-61875412
13.	RS Budget Hotel	No.23A & 23B, Jln Bandar Rawang 10, Bandar Baru Rawang, 48000 Rawang.	03-60927100
14.	Rawang Budget Hotel	No. 10A Dan 10B, Jalan Bintang Rawang, 48000 Rawang.	019-6224095
15.	Sri Rawang Hotel	No. 1B, 3A & 3B, Jalan BR 10, Pusat Bandar Rawang, 48000 Rawang.	019-6224095
16.	New Wave Hotel Sdn. Bhd.	D33-1, D33-2 & D34-1, Jalan Medan Selayang, 68100 Batu Caves.	019-6224095

PETA LOKASI KE INSTITUT KRAF NEGARA (IKN)



